

BAB 2

Tinjauan Literatur

Sungguhpun pendidikan pemulihan telah lama dilaksanakan namun pelaksanaan dan permasalahannya masih lagi merupakan persoalan utama khususnya di peringkat sekolah menengah. Dalam bab ini penyelidik akan meninjau pandangan serta kajian lalu oleh pengkaji-pengkaji tempatan mahupun luar negara yang berkaitan dengan persoalan kajian ini. Aspek-aspek yang akan dibincangkan adalah seperti berikut:

- i) aspek pelaksanaan program pendidikan pemulihan
- ii) aspek permasalahan yang dihadapi dalam program pendidikan pemulihan
- iii) implikasi permasalahan program pendidikan pemulihan

2.1 Latar Belakang

Pendidikan pemulihan dan pengajaran pemulihan adalah dua istilah yang lazim digunakan untuk membawa konsep yang sama. Menurut Sharifah Alwiah Alsagoff (1986) pendidikan pemulihan merupakan pendidikan untuk memulihkan pendidikan murid ke taraf sepatutnya. Beliau juga menegaskan bahawa pendidikan pemulihan ialah usaha untuk mencegah dan mengatasi masalah pembelajaran murid.

Robiah Kulop Hamzah (1988) mendefinisikan pengajaran pemulihan sebagai sejenis pengajaran yang dijalankan bagi membantu murid-murid lambat dalam pembelajaran di sekolah

supaya tidak terus ketinggalan dalam proses pendidikan di sekolah dan dapat seiring dengan rakan-rakan mereka yang lain.

Sebenarnya program pemulihan ini bukanlah untuk memulihkan sesuatu kecacatan yang dialami oleh kanak-kanak supaya menjadi normal. Menurut Buku Panduan Khas Program Pemulihan KBSR Edisi Percubaan 1982,

"Program pemulihan adalah suatu rancangan pembelajaran yang disediakan untuk membantu murid-murid yang menghadapi masalah atau kesusahan pembelajaran dalam menguasai sesuatu kemahiran. Dalam usaha untuk membantu murid-murid ini, kaedah, bahan, dan aktiviti alternatif yang bersesuaian dengan masalah yang dihadapi adalah digunakan."

(halaman ii)

Berdasarkan takrifan di atas Syed Abu Bakar Syed Akil (1997) menjelaskan bahawa pendidikan pemulihan boleh merangkumi aspek-aspek pendidikan imbuhan, penyesuaian, pendidikan khas yang diubahsuaikan dan terapi.

Definisi ini selari dengan pendapat Creber (1974) yang mentakrifkan pengajaran pemulihan sama dengan pengajaran imbuhan. Pemulihan kadang-kala merupakan pengalaman-pengalaman yang tidak dialami oleh kanak-kanak yang tidak bernasib baik. Brennan (1974) pula mentakrifkan pendidikan pemulihan sebagai jenis pendidikan yang diperlukan untuk memenuhi keperluan-keperluan yang disebabkan ketidakbolehan pembelajaran iaitu kegagalan pembelajaran yang tidak boleh dikaitkan dengan kekurangan persekitaran atau pengalaman murid tersebut. Menurut Koh (1992) definisi Brennan ini menegaskan ketidakbolehan atau kegagalan pembelajaran dan seterusnya memisahkan pendidikan pemulihan dengan pendidikan imbuhan.

Sasaran pendidikan pemulihan adalah pelajar yang gagal dalam pembelajaran tetapi kegagalan tidaklah berpunca daripada kekurangan persekitaran sosioekonominya, berbeza dengan pendidikan imbuhan yang bertumpu kepada kanak-kanak yang kurang beruntung atau tidak bernasib baik. Blair (1968) pula mendefinisikan pengajaran pemulihan sebagai suatu bentuk pengajaran yang tujuannya adalah untuk memperbaharui teknik pengajaran dan pembelajaran supaya semua amalan dan kebiasaan yang tidak sesuai di kalangan murid-murid lambat dapat dikikis.

Sesungguhnya program pendidikan pemulihan ini diadakan dengan tujuan untuk membantu murid-murid yang mengalami masalah dan kesulitan dalam pembelajaran. Kegagalan menguasai kemahiran asas 3M akan menghalang mereka daripada memahami dan menghayati isi kandungan pelajaran yang diajarkan oleh guru. Seandainya pendidikan pemulihan tidak diberikan, mereka mungkin mempunyai persepsi yang negatif terhadap pelajaran dan sekolah. Potensi yang ada pada diri mereka akan tenggelam begitu sahaja tanpa digilap. Implikasinya mereka tidak dapat menyumbangkan sesuatu yang bermakna kepada keluarga dan negara sebaliknya mungkin merupakan beban kepada keluarga, sekolah dan masyarakat.

Pada pandangan penyelidik, jelaslah bahawa program pendidikan pemulihan ini sangat penting dan perlu dilaksanakan mengikut keperluan bukan saja di sekolah rendah bahkan juga di sekolah menengah. Pendidikan pemulihan ini wajar diadakan memandangkan perbezaan individu yang wujud di kalangan pelajar-pelajar sekolah. Perbezaan individu ini sentiasa wujud dan menyebabkan sesetengah pelajar ketinggalan dalam pembelajaran dan mempelajari sesuatu kemahiran itu dengan lebih lambat berbanding dengan rakan-rakan sebaya yang lain.

Kajian yang dijalankan oleh penyelidik akan melihat pelaksanaan pengajaran pemulihan di kelas Tingkatan Peralihan yang diharapkan dapat membantu memulihkan pendidikan pelajar-

pelajar ke taraf sepatutnya di samping untuk mengatasi masalah pembelajaran yang dihadapi oleh pelajar.

2.1 Aspek Pelaksanaan Program Pendidikan Pemulihan

Pelaksanaan program pendidikan pemulihan di sekolah mempunyai beberapa tujuan utama. Menurut Buku Panduan Program Pemulihan, Kementerian Pendidikan (1984) tujuan utama pengajaran pemulihan adalah untuk :

- i) membantu mengatasi masalah pembelajaran dalam kemahiran-kemahiran tertentu.
- ii) membantu murid mengubah sikap negatif dan tingkah laku yang menjejaskan pembelajaran.
- iii) memupuk serta mengembangkan

Blair (1968) pula berpendapat bahawa pendidikan pemulihan adalah diperlukan untuk memenuhi fungsi-fungsi berikut:

- i) untuk menyingkir tabiat dan sikap yang tidak selari dengan pembelajaran berkesan. Dalam hal ini guru bertugas untuk memulihkan kesalahan atau kelemahan.
- ii) untuk mengajar buat pertama kalinya tabiat, kemahiran, dan sikap baik yang belum dipelajari tetapi seharusnya sudah dipelajari. Murid memerlukan tabiat, kemahiran, dan sikap baik untuk menambahkan kecekapan.

Berdasarkan definisi di atas Robiah Kulop Hamzah (1997) merumuskan bahawa pengajaran pemulihan diperlukan untuk mengatasi dua jenis kelemahan iaitu untuk mengikis tabiat

tidak baik yang sedia ada dan untuk membentuk tabiat baik yang belum ada pada murid.

Chua dan Koh (1992) pula berpendapat bahawa pendidikan pemulihan bertujuan untuk memberi 'rawatan' yang diharapkan dapat 'mengubati' pelajar lambat. Tindakan pemulihan yang dijalankan diharapkan akan berjaya menolong pelajar lambat menyelesaikan masalah pembelajaran yang dihadapi oleh mereka.

Dengan adanya pendidikan pemulihan ini, kanak-kanak yang lemah akan berasa diri mereka mendapat perhatian khas daripada pihak sekolah. Kesedaran ini merupakan satu bentuk terapi atau yang berkesan bagi mereka untuk mengatasi kesulitan belajar. Mereka tidak akan rasa terbuang atau terbiar sahaja (Syed Abu Bakar Syed Akil, 1997).

Selain tujuan, pendidikan pemulihan mempunyai sasaran yang tersendiri. Menurut Brennan (1974) murid yang sasaran pengajaran pemulihan adalah sebagai murid yang gagal menghadapi kerja normal sekolah dalam kumpulan sebaya mereka tetapi mereka tidak boleh dianggap kanak-kanak cacat.

Sasaran Pendidikan adalah murid yang menghadapi masalah atau kesukaran dalam pembelajaran dan gagal menguasai sesuatu kemahiran walaupun diberi pengajaran biasa. Murid ini lambat belajar berbanding dengan murid-murid yang lain dan wujud suatu jurang perbezaan antara taraf pencapaiannya dengan taraf pencapaian murid-murid lain dalam satu-satu kemahiran (Chua dan Koh, 1992).

Dalam melaksanakan program pendidikan pemulihan seseorang guru pemulihan hendaklah mengesan masalah pembelajaran setiap murid lambat dan kemudian merancang serta

menjalankan langkah pemulihan yang munasabah (Koh, 1992). Menurut Sharifah Alwiah Alsagoff (1986) sebelum sesuatu rancangan pemulihan dapat dilaksanakan, langkah yang pertama sekali adalah mengesan dan mengasingkan murid-murid yang memerlukan pengajaran pemulihan dalam bidang membaca, menulis atau mengira dengan membuat ujian saringan dan diagnostik bagi mengenal pasti jenis kelemahan murid. Jadi dalam kajian ini penyelidik akan melihat proses pelaksanaan program sebelum menjurus terus kepada permasalahan dan cabaran yang dihadapi dalam program.

Jais Sahok dan Mat Nor Hussein (1990) mengatakan bahawa guru pemulihan merupakan pemulih kelembapan pelajar dan mempunyai keupayaan untuk mendorong pelajar-pelajar supaya meneruskan pembelajaran dan membentuk keyakinan diri pelajar. Guru juga bertanggungjawab mewujudkan suasana kelas yang menarik untuk mengelakkan kebosanan semasa di sekolah. Pada pandangan Goldberg (1967) seandainya guru tidak memahami latar belakang murid dan apa-apa maklumat yang boleh diperolehi tentang murid, guru berkemungkinan besar tidak mencapai matlamat mengendalikan kegiatan pemulihan. Pengetahuan tentang latar belakang murid perlu ada pada guru supaya dapat dijadikan panduan dalam usaha memajukan pelajar berdasarkan kemampuan diri pelajar itu secara teliti.

Setelah mengenal pasti murid lambat dan masalah pembelajaran yang dihadapi serta punca masalah pembelajaran murid guru perlu merancang aktiviti pemulihan yang sesuai dengan mengambil kira ciri-ciri pembelajaran murid serta teknik dan bahan pengajaran yang hendak digunakan (Chua dan Koh, 1992).

Menurut McCreech dan Maher (1974) guru pemulihan seharusnya sentiasa berwaspada agar objektif pengajaran betul-betul sesuai dengan keperluan murid. Guru juga perlu mempunyai

pengetahuan yang tepat tentang pelajaran yang sesuai dan berguna serta mahir mengajar kecekapan-kecekapan dan kebiasaan yang berfaedah kepada murid (Collins, 1961).

Justeru itu, kelas pemulihan ini perlu menggunakan pendekatan yang terbaik dalam pengajaran dan memerlukan guru khas yang benar-benar bersesuaian dengan keperluan pendidikan pemulihan.

Sementara itu Tansley dan Gulliford (1977) menegaskan bahawa kaedah rawatan individu memerlukan pengajaran cekap yang berasaskan pengetahuan tentang perkembangan kanak-kanak dan cara mereka belajar supaya melalui pemerhatian yang teliti terhadap pelajar-pelajar lambat itu guru dapat memilih dan menentukan pengalaman pembelajaran yang sesuai untuk pelajar lambat tersebut.

Selain itu guru harus memiliki kemahiran memimpin dan menyelenggara perbincangan secara perseorangan, membuat diagnostik terhadap kelemahan dan kekuatan murid. Semasa menjalankan program ini guru haruslah mengetahui kaedah memilih dan menyusun kegiatan yang diperlukan untuk pengajaran sesuatu kemahiran. Pelajar-pelajar pemulihan ini hendaklah dilibatkan sepenuhnya agar lebih berpusatkan pelajar (Jais Sahok dan Mat Nor Hussein, 1990).

Menurut Haigh (1977) guru-guru tidak seharusnya menganggap bahawa persediaan untuk mengajar murid-murid sebagai tidak berapa perlu. Peneguhan yang positif dalam bentuk galakan dan pujian hendaklah dijadikan asas bagi menggalakkan murid-murid melakukan sesuatu tingkah laku yang diinginkan terutamanya yang berkaitan dengan aktiviti pembelajaran. Di samping itu murid-murid tidak boleh dihalang sekiranya mereka ingin melakukan aktiviti lain yang ada kaitan dengan pelajaran.

Penilaian program pemulihan bukan sahaja dibuat pada akhir pengajaran tetapi juga semasa pengajaran dijalankan. Menurut Goldddberg (1967) guru-guru pemulihan perlu menjadikan ujian-ujian hanya sebagai cara meninjau kebolehan akademik semasa murid-murid dan bukannya untuk menukar kecerdasan mereka. Gulliford (1966) mengingatkan bahawa murid-murid kelas pemulihan ini kadangkala bersifat malas, cuai, tidak memberi perhatian dan lemah dalam pelajaran. Oleh itu guru perlu menilai sesuatu yang berjaya dibuat oleh murid-murid kerana ini merupakan suatu kejayaan yang telah dicapai oleh murid itu. Bagi murid yang tidak tahu membaca dan menulis guru hendaklah menggunakan alat pandang dengar. Kemajuan boleh dinilai dengan cara lain selain membaca dan menulis.

Menurut Chua dan Koh (1992) kebolehdidikan tidak seharusnya diukur hanya dari segi kemajuan akademik tetapi juga dari segi perkembangan keseluruhan pelajar sebagai manusia. Pencapaian pelajar lambat tidak sepatutnya sentiasa dirujuk kepada perlakuan rakan sebayanya yang normal tetapi sepatutnya dikaitkan dengan perkembangan potensi pelajar lambat sebagai seorang individu. Ia patut ditaksir dari segi mutu perkhidmatan khas yang diberi oleh sekolah untuk membantunya mengatasi kekurangan pendidikan.

Kesimpulannya, kejayaan program pelaksanaan program pemulihan di sekolah bergantung pada pengalaman, pengetahuan, kecekapan, daya kreativiti dan komitmen guru yang tinggi untuk melaksanakan program ini di sekolah. Selain itu kerjasama dalam membantu pelajar-pelajar bermasalah ini seharusnya wujud di antara pihak sekolah dengan ibu bapa pelajar. Pihak-pihak yang berkenaan sewajarnya menjalankan pemantauan dari semasa ke semasa untuk memberi nasihat serta bimbingan kepada guru di samping mengenal pasti masalah yang wujud dan seterusnya memperbaiki kelemahan-kelemahan yang ada demi memastikan kelancaran dan keberkesanan program pemulihan yang dijalankan.

Berdasarkan kajian-kajian lalu yang telah dijalankan ini , penyelidik akan melihat proses pelaksanaan program pemulihan yang dijalankan di kelas Tingkatan Peralihan. Diharapkan kajian ini akan dapat meningkatkan proses pelaksanaan program yang sedia ada melalui dapatan yang akan dikumpul dan diperoleh penyelidik.

2.2 Aspek Permasalahan yang Dihadapi dalam Program Pendidikan Pemulihan

Progran pendidikan pemulihan yang dilaksanakan di sekolah tidak dapat lari daripada masalah dan cabaran. Masalah dan cabaran yang wujud ini memberikan impak yang besar dalam menentukan kejayaan program pemulihan di sekolah. Berdasarkan dapatan kajian Robiah Kulop Hamzah (1988) terdapat beberapa masalah yang dihadapi oleh guru program pendidikan pemulihan seperti

- i) Masalah beban kerja yang terlalu banyak dan mengganggu kerja kelas pemulihan. Guru terpaksa memikul berbagai-bagai tugas seperti tugas pentadbiran, tugas kokurikulum dan tugas-tugas khas lain yang mempengaruhi keberkesanan program pemulihan.
- ii) Masalah mendapatkan tempat yang sesuai untuk dijadikan kelas dan keadaan fizikal yang kurang memuaskan. Keadaan kelas yang sempit, tidak selesa, perabot yang tidak sesuai menimbulkan pelbagai kesulitan kepada guru dan pelajar dalam melaksana aktiviti pengajaran dan pembelajaran.
- iii) Masalah yang paling serius yang dihadapi oleh guru pemulihan ialah kesukaran untuk mendapatkan kerjasama dan sokongan daripada pihak guru besar, guru biasa dan ibu bapa atau penjaga pelajar.
- iv) Masalah untuk menyempurnakan kesemua peranan pemulihan yang disebabkan oleh pelbagai batasan seperti kesuntukan masa, kekurangan peruntukan, kekurangan sokongan

minat daripada pihak-pihak yang berkenaan.

Justeru itu masalah yang ditunjukkan oleh kajian Robiah (1988) dapat memandu penyelidik dalam melaksanakan penyelidikan. Penyelidik akan menggunakan masalah-masalah yang ditemukan dalam dapatan Robiah sebagai panduan untuk melihat permasalahan dan cabaran yang dihadapi dalam melaksanakan program pemulihan di kelas Tingkatan Peralihan berdasarkan perspektif peserta kajian.

Menurut laporan Asia Pacific Programme of Educational for Development (1987) oleh Kementerian Pendidikan Malaysia, guru program pemulihan menghadapi masalah beban tugas. Guru pemulihan diberikan tugas-tugas penting di sekolah sehingga menyebabkan kelas pemulihan terpaksa ditinggalkan selalu. Pertukaran guru pemulihan kepada peranan yang lain sering berlaku. Berdasarkan laporan ini juga didapati guru pemulihan juga mengalami masalah mendapatkan kemudahan. Guru pemulihan tidak mempunyai bahan bantu mengajar yang mencukupi selain menghadapi kekurangan kemahiran untuk menggunakan bahan bantu mengajar dengan berkesan.

Menurut Brennan (1974) walaupun kelas-kelas pemulihan diwujudkan dengan baik, kebanyakannya tidak kekal sepanjang tahun. Kebiasaannya guru pemulihan diberikan tugas lain jika berlaku kekurangan kakitangan. Keadaan menjadi lebih rumit apabila pengganti guru pemulihan tersebut sukar untuk diperolehi dengan segera. Hal ini mungkin disebabkan oleh sikap kakitangan sekolah yang memandang ringan terhadap amalan pengajaran pemulihan dan menganggap bahawa amalan itu hanya sebagai aktiviti sampingan .

Keadaan bilik darjah yang kurang sesuai dan sempurna akan menyebabkan proses

pengajaran dan pembelajaran di kelas pemulihan akan terbantu. Grundin (1979) menyatakan bahawa kebanyakan sekolah yang menjalankan pengajaran pemulihan menyediakan bilik darjah yang terlalu kecil. Sikap pentadbir sekolah yang tidak mengambil berat terhadap keperluan program ini dan membiarkan sahaja guru pemulihan menggunakan inisiatif sendiri untuk mengadakan kelas pemulihan di mana-mana yang dirasakan sesuai (Robiah Kulop Hamzah,1988). Normah Chik (1992) mengatakan bahawa lokasi pengajaran pemulihan yang tidak sesuai adalah seperti di kantin sekolah, di bilik guru, di bawah pokok atau di bilik setor.

Sokongan dan kerjasama semua pihak amat penting dalam menjayakan program pemulihan ini. Hubungan yang baik yang terjalin antara semua pihak yang terlibat dapat meningkatkan kualiti program pemulihan yang dilaksanakan di sekolah. Menurut Chua dan Koh (1992) pelaksanaan pengajaran pemulihan tidak patut diserahkan kepada guru pemulihan semata-mata kerana mereka diberi statut dan tanggungjawab rasmi. Sesungguhnya mereka tidak akan dapat memikul beban yang amat berat ini tanpa kerjasama dan sokongan daripada semua pihak yang terlibat sama ada secara langsung atau secara tidak langsung dengan program ini.

Tanggungjawab atas pengajaran pemulihan sepatutnya dipikul bersama oleh semua kakitangan supaya usaha-usaha pemulihan mencapai kejayaan dan peranan pengajaran pemulihan tidak boleh dibebankan kepada guru pemulihan sahaja walaupun guru mendapat latihan yang mencukupi (Carrol, 1963). Pada pandangan penyelidik gandingan kepakaran dan pengetahuan setiap bidang yang dimiliki dapat meningkatkan kualiti program pendidikan pemulihan. Langkah-langkah pemulihan juga tidak hanya dilakukan di kelas pemulihan sebaliknya perlu dilakukan secara berterusan. Semua guru patut membantu murid-murid bermasalah dan tidak sepatutnya meletakkan keseluruhan tanggungjawab kepada guru pemulihan sahaja.

Pendapat ini disokong oleh Haigh (1977) yang mengatakan bahawa tiada satu jalan penyelesaian yang mudah untuk mengatasi masalah ini kerana semua proses pengajaran dan pembelajaran adalah berfaedah dan memerlukan penglibatan semua pihak serta diajar sesuai dengan keperluan murid.

Kurangnya kerjasama dan sokongan daripada guru besar juga menimbulkan kesulitan dan merupakan satu cabaran kepada guru pemulihan. Menurut Robiah Kulop Hamzah (1988) ada guru besar yang tidak berminat terhadap kelas pemulihan dan menyebabkan guru pemulihan menghadapi kesulitan untuk mendapatkan peruntukan bagi memperoleh bahan dan alatan serta kemudahan lain. Tambah beliau lagi terdapat guru besar yang masih menggunakan istilah 'kelas lembab' untuk kelas khas pemulihan, 'murid lembam' untuk murid lambat dan 'guru lembam' untuk guru pemulihan.

Guru pemulihan juga sering menghadapi masalah untuk berhubung dengan ibu bapa pelajar lambat. Menurut kajian Robiah Kulop Hamzah (1997) didapati bahawa ada ibu bapa tidak pernah datang ke sekolah untuk bertemu dengan guru pemulihan walaupun sudah dijemput secara rasmi. Pada pandangan beliau keadaan ini berlaku kerana ibu bapa tidak memahami falsafah pengajaran pemulihan dan tujuan kelas pemulihan. Mereka menyerahkan urusan persekolahan anak-anak mereka bulat-bulat kepada guru pemulihan dan pihak sekolah. Tegas beliau lagi sikap ini menyebabkan ada pelajar lambat yang memerlukan bantuan khas, tidak dapat diberikan bantuan lanjut kerana rancangan bantuan tidak dapat diatur dengan ibu bapa. Akhirnya guru pemulihan menjalankan tugas sekadar mengikut kemampuan sahaja.

Guru-guru pemulihan juga mengalami kesulitan yang besar untuk mendapat kerjasama yang ikhlas dan sukarela daripada guru-guru biasa (Chua dan Koh, 1992) Masalah ini berpunca

daripada anggapan salah guru biasa terhadap beban tugas guru pemulihan yang diandaikan lebih mudah dan ringan (Robiah Kulop Hamzah, 1997). Beliau menegaskan bahawa pandangan yang salah ini disebabkan guru biasa tidak mengetahui secara mendalam tugas-tugas yang dipertanggungjawabkan kepada guru pemulihan. Lantaran itu mereka beranggapan bahawa masalah murid lambat adalah masalah guru pemulihan dan bukannya masalah bersama. Anggapan salah ini menimbulkan sikap yang negatif dan dingin terhadap kerja pemulihan dan menyebabkan guru biasa enggan memberikan sokongan dan kerjasama kepada guru pemulihan.

Satu perkara lagi yang harus diberikan perhatian serius ialah ketiadaan sistem penyeliaan yang berkesan dalam memantau keberkesanan program pemulihan di sekolah. Menurut kajian Robiah Kulop Hamzah (1988) guru pemulihan jarang sekali dilawati oleh pegawai-pegawai yang berkenaan untuk memberikan nasihat, cadangan dan maklumat terkini tentang penyelenggaraan serta teknik baru yang dapat meningkatkan prestasi pengajaran murid di dalam kelas pemulihan. Keadaan ini menyebabkan guru pemulihan berasa kecewa. Implikasinya mereka akan hilang minat dan keazaman untuk menjalankan tugas. Jadi dalam penyelidikan yang akan dijalankan, penyelidik akan melihat kewujudan masalah ini berdasarkan perspektif peserta kajian dan kesannya terhadap peserta kajian secara khususnya dan program pemulihan secara keseluruhannya.

Sebagai seorang guru yang dilantik untuk membantu murid-murid lambat, guru pemulihan bertanggungjawab atas perancangan dan pelaksanaan aktiviti pemulihan dalam mata pelajaran Bahasa Melayu. Tanggungjawab ini amat mencabar kerana memerlukan bukan sahaja kecekapan dan pengetahuan profesional tetapi juga ciri-ciri peribadi yang positif seperti tabah hati, optimistik, dan kepimpinan. Bukan semua guru pemulihan dapat menguasai kesemua kecekapan khas tersebut (Chua dan Koh, 1992).

Selain itu guru pemulihan perlu bersabar dan bijak berurusan dengan kerenah pelajar-pelajar lambat ini. Menurut Haigh (1977) kanak-kanak lambat ini bukan sahaja rendah pencapaian dalam kemahiran asas bahkan mempunyai penguasaan bahasa yang terhad, mempunyai minat yang terhad terhadap pelajaran, memiliki perakuan yang sukar dikawal, berpakaian tidak kemas pada kebiasaannya, dan selalu menimbulkan gangguan di dalam kelas.

Sehubungan dengan itu Goldberg (1967) telah membandingkan kesan-kesan sikap dan perlakuan guru terhadap murid serta pencapaian murid. Beliau juga tidak menafikan berlakunya pergeseran antara guru dengan murid kelas pemulihan tetapi kesannya bergantung kepada guru pemulihan itu sendiri. Seandainya guru pemulihan itu dapat memahami dan menerima keadaan murid itu, kesan buruk tidak akan wujud.

Oleh yang demikian kepincangan-kepincangan yang berlaku di dalam program pemulihan ini haruslah dikaji sama ada di peringkat sekolah rendah ataupun di peringkat sekolah menengah agar sungutan dan rasa kecewa, marah, tidak puas hati daripada guru-guru pemulihan di sekolah dapat didengar dan seterusnya ditangani dengan baik. Punca-punca sebenar masalah yang dikatakan wujud dan menghalang guru untuk melaksanakan tugas dalam program pemulihan di sekolah haruslah diberi perhatian dan dikaji.

Kajian ini akan menggunakan kajian-kajian lalu sebagai garis panduan dan petunjuk untuk membimbing penyelidik untuk menjalankan penyelidikan. Sampel kajian yang dipilih oleh penyelidik agak berbeza sedikit dengan kajian-kajian lalu kerana penyelidik memilih guru yang terlibat dengan program pemulihan di peringkat sekolah menengah rendah berbanding dengan kajian lalu yang menumpukan perhatian kepada guru-guru pemulihan di sekolah rendah. Skop kajian menjurus kepada persoalan yang sama iaitu meninjau pelaksanaan dan permasalahan

yang dihadapi oleh guru dalam melaksanakan program pemulihan di sekolah.

Dari segi kaedah kajian banyak kajian yang lalu menggunakan kaedah kajian kuantitatif berbanding dengan kaedah kajian kes kualitatif yang digunakan oleh penyelidik. Walaupun perbezaan wujud dari segi pemilihan sampel dan penganalisan data fokus kajian masih lagi menjurus kepada pokok persoalan yang sama iaitu pendidikan pemulihan. Dalam kajian ini penyelidik berharap dapat mengupas permasalahan dan cabaran yang dihadapi oleh guru dalam melaksanakan program pemulihan di sekolah menengah yang jarang diberikan perhatian oleh pihak-pihak yang berkenaan.

Implikasi Permasalahan Program Pendidikan Pemulihan

Secara khususnya kajian-kajian lalu telah menunjukkan bahawa guru pemulihan menghadapi berbagai-bagai rintangan dan kesukaran dalam usaha memenuhi tuntutan tugas mereka dan masalah-masalah itu datang daripada pelbagai punca. Tindakan segera dan tegas haruslah dilakukan oleh pihak-pihak yang berkenaan untuk membantu guru pemulihan mengatasi masalah yang berlaku supaya guru dapat memenuhi peranan-peranan yang dijangkakan agar keberkesanan pengajaran pemulihan di sekolah dapat dipertingkatkan.